

**Jilid I
Bil. 79**



**Hari Khamis
18hb Oktober, 1979**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 [Ruangan 8575]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1980 [Ruangan 8602]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading)

” **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,**
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P.
(Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN CHOON,
S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH,**
S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Témerloh).

” **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,**
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN**
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI**
ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

” **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL**
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,**
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ**
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).**

” **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,**
P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan) .

” **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,**
J.M.N., P.J.K. (Jelevu).

” **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N., (Batu Berendam)**

” **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD., D.S.A. D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

” **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,**
D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

” **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN,**
D.P.M.P. (Lumut).

” **Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M.**
(Taiping).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK
(Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN,
D.P.M.J. (Muar).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N.,
P.J.K., (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI
KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M.,
A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM,
D.S.L.D. (Tampin).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S.
(Santubong).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI
RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF
(Kuantan).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.
(Saratok).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S.,
A.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN,
D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON,
D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).

Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL
RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO SYED AHMAD
SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N.,
J.P. (Padang Terap).

„ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN,
D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).

„ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN
SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY
VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P.
(Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB
BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

Yang Berhormat TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMAD GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUA MOHAMEND KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasar Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JAN I P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-Pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Hari Khamis, 18hb Oktober, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1980

4.05 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kum-pulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan belanjawan tahun ini membawa erti yang istimewa kerana tahun depan adalah titik permulaan dekad lapan-puluhan. Tahun 1980 juga adalah merupakan tahun yang akan digunakan sebagai asas untuk membuat persediaan-persediaan bagi Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985. Tetapi, yang mustahak sekali, tahun depan ialah tahun penamat Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya gembira menyatakan bahawa ekonomi Malaysia telah maju terus dalam beberapa tahun ini, meskipun dunia mengalami keadaan ekonomi yang lembab dan sistem kewangan yang kusut. Ini adalah suatu bukti yang jelas tentang ketahanan ekonomi kita. Ini juga adalah menjadi bukti kebijaksanaan Kerajaan kita melaksanakan dasar-dasar sosio-ekonomi yang praktikal dan berfaedah, dan tidak kurang pentingnya ialah usaha-usaha yang gigih dan giat yang telah dijalankan oleh segenap sektor dan lapisan masyarakat kita bagi membantu menjayakan ke-

majuan ekonomi kita ini, yang pada tahun ini dianggarkan mencapai pertumbuhan lebih 8 peratus.

Selama empat tahun yang lepas ini, iaitu dari tahun 1976 hingga 1979, ekonomi kita telah bertumbuh sekadar 8 peratus purata tiap-tiap tahun dalam hitungan harga sebenar. Ini adalah suatu kadar pertumbuhan ekonomi yang mengagumkan, walau dari segi ukuran apa pun, terutama sekali memandangkan kegiatan-kegiatan ekonomi yang lembab hampir seluruh dunia. Begitu juga kadar inflasi kita pukul rata berada setakat 4 peratus bagi Semenanjung Malaysia dalam tempoh empat tahun 1976-1979 menurut angkatanjuka harga pengguna.

Satu lagi perkara yang amat penting dalam masa empat tahun ini ialah suasana kewangan yang stabil dan kedudukan pembayaran luar negeri kita yang semakin kukuh. Pada keseluruhannya, bekalan wang telah bertambah selaras dengan pertumbuhan pengeluaran sebenar dan bertambahnya penggunaan wang dalam ekonomi negara. Imbangan pembayaran tetap teguh oleh kerana sebahagian daripadanya adalah disebabkan oleh pendapatan bersih yang semakin bertambah daripada eksport petroleum. Cadangan luar negeri negara kita telah bertambah lebih dua kali ganda dalam masa ini hingga mencapai \$8.9 ribu juta pada 29hb September, 1979 yang boleh membiayai kira-kira tujuh bulan impot tertangguh. Punca kekuatan kedudukan kewangan luar negeri kita telah menghasilkan kenaikan nilai ringgit Malaysia sebanyak $7\frac{1}{2}\%$ berbanding dengan matawang-matawang lain di dunia dari penghujung tahun 1975 sehingga akhir bulan September 1979. Kedudukan yang kukuh ini telah memperkuat lagi taraf kredit Malaysia (credit standing) di pasaran kewangan antarabangsa dan dengan itu membolehkan Kerajaan mendapat pinjaman luar negeri pada kadar yang amat istimewa bagi membiayai projek-projek pembangunan sektor awam di negara kita ini.

Malah, setakat ini banyak daripada matlamat-matlamat ekonomi dan perbelanjaan yang dijangkakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sudahpun dilebihi dalam tahun keempat ini. Misalnya, Keluaran Dalam Negara Kasar dalam Rancangan Malaysia Ketiga dijangka akan mencapai paras yang tinggi sedikit dari \$23 ribu juta dalam tahun 1980 berdasarkan harga sebenar. Bagaimanapun, anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar bagi tahun 1979, iaitu setahun sebelum Rancangan Malaysia Ketiga berakhir, telahpun melebihi paras \$24 ribu juta dari segi harga sebenar.

Prestasi Ekonomi Antarabangsa

Kekuatan dan ketahanan ekonomi yang kita alami amat berbeza dari keadaan ekonomi dan prestasi kewangan negara-negara perindustrian yang amat tidak menggalakkan. Saya membuat perbandingan ini semata-mata kerana ekonomi negara-negara membangun sebahagian besarnya bergantung kepada prestasi ekonomi negara-negara perindustrian. Sebahagian besar dari eksport kita diperdagangkan dengan negara-negara perindustrian. Di samping itu, kebanyakan import barang-barang mesin dan lain-lain barangan perkilangan adalah diimport dari negara-negara perindustrian juga. Jadi, kegagalan mereka membendung inflasi akan memberikan kesan yang buruk kepada negara kita.

Pada masa ini, umum menerima hakikat bahawa ekonomi dunia pada keseluruhannya sedang menjalani suatu zaman pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan lembab, kadar inflasi yang tinggi, pengangguran yang meluas yang menyebabkan perdagangan antarabangsa begitu lembab. Arah aliran yang kurang baik ini masih lagi berlaku. Oleh yang demikian, tidak syak lagi bahawa kita telah dan sedang melalui satu masa yang rumit.

Prospek Ekonomi Dunia bagi tahun 1980

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Negara-negara perindustrian yang maju yang dikenali sebagai Kumpulan Negara-negara OECD dianggarkan akan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah dari 2% pada tahun hadapan. Kadar pertumbuhan purata ini merupakan kadar yang paling rendah semenjak kemelesetan ekonomi dalam tahun 1975 apabila negara-negara OECD secara keseluruhan mengalami kadar pertumbuhan negatif sebanyak 0.4% dari segi sebenar.

Oleh itu, prospek ekonomi antarabangsa bukan sahaja muram tetapi tidak menggalakkan.

Walau bagaimanapun, di sekitar negara kita, dalam konteks Asia Timur dan ASEAN, prospek ekonomi adalah lebih menggalakkan. Negara-negara ASEAN terutamanya telah menunjukkan prestasi yang baik dengan mencapai kadar-kadar pertumbuhan ekonomi antara 6% hingga 8% setahun dalam tahun 1979. Prospek bagi negara-negara ASEAN menunjukkan bahawa ekonomi mereka akan terus tumbuh dengan pesatnya dalam tahun 1980.

Masalah-masalah dan isu-isu ekonomi Malaysia pada tahun 1980

Tidak dapat diragu-ragukan lagi, bahawa kita akan menghadapi kesulitan di dalam tahun 1980. Di samping kemungkinan adanya perkembangan ekonomi dunia yang lembab, kita akan juga terus terdedah kepada kesan-kesan buruk inflasi dari luar negeri.

Krisis bahan tenaga dan kemungkinan bertambahnya harga minyak petroleum adalah mengancam memburukkan lagi keadaan ekonomi negara kita. Negara-negara perindustrian menghadapi masalah-masalah ekonomi mereka sendiri yang nampaknya tidak cukup berazam dan tidak mengambil tindakan bersama yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka itu. Jadi mereka mungkin menggunakan jalan mudah dengan meninggikan dan memperluaskan lagi benteng perlindungan ekonomi mereka.

Selain dari ancaman luar ini, kita sendiri pun ada menghadapi masalah-masalah yang berpunca dari dalam negeri. Kesukaran bekalan di dalam beberapa bidang perindustrian dan tekanan yang bertambah ke atas harga yang boleh juga diburukkan lagi oleh tuntutan gaji yang terlampau tinggi, boleh melemahkan kemajuan sosio-ekonomi yang telah dicapai. Dalam pada itu juga, kita perlu juga berusaha terus untuk menjaga keselamatan negara kita dengan menambatkan perbelanjaan bagi angkatan tentera.

Strategi Belanjawan 1980

Tuan Yang di-Pertua, strategi belanjawan tahun 1980 ini telah dirangka dengan berpanduan kepada latarbelakang penilaian yang realistik kedudukan mengenai ekonomi antarabangsa yang merosot.

Tujuannya ialah untuk menentang aliran rosotan dan melawan inflasi untuk memastikan tercapainya Dasar Ekonomi Baru.

Strategi Belanjawan ini akan dilaksanakan melalui usaha-usaha Kerajaan bagi mencapai matlamat-matlamat yang khusus itu iaitu:

Untuk mendorong pertumbuhan ekonomi dan menyekat inflasi, terutama sekali bagi meringankan kesusahan golongan-golongan yang miskin dan berpendapatan rendah.

Rasional dan Kesan Strategi Belanjawan

Satu aspek penting dalam Strategi Belanjawan ialah usaha menahan kenaikan harga. Seperti yang lazim diutarakan di forum-foram antarabangsa yang penting, pertumbuhan ekonomi tidak boleh dikekalkan dan dipercepatkan kalau suasana ekonomi dan kewangan tidak dapat menjaga kestabilan harga yang berpatutan.

Walau bagaimanapun, matlamat-matlamat strategik bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta memperbanyak pelaburan Kerajaan dan swasta hendaklah dikaitkan secara langsung kepada usaha melipatgandakan keupayaan negara bagi meningkatkan bekalan, terutamanya barang-barang pengguna, yang diperlukan bagi memenuhi keperluan rakyat negara ini yang semakin meningkat. Kalau pengeluaran bertambah maka tekanan inflasi akan berkurangan. Sebaliknya pula, kalau harga stabil secara berpatutan maka akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memperbaiki taraf kehidupan rakyat jelata.

Kesan Belanjawan

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya sekarang mengemukakan di Dewan ini beberapa langkah Belanjawan yang tegas untuk memastikan pencapaian matlamat-matlamat Belanjawan 1980.

Saya mencadangkan:

- (a) Peruntukan yang berjumlah \$20,724 juta untuk Belanjawan 1980 iaitu \$10,868 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$9,856 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan; dan
- (b) Potongan cukai berjumlah sebanyak \$482 juta. Ini merupakan potongan cukai yang terbesar sekali pernah dilakukan dalam sejarah-sejarah negara kita (*Tepuk*).

Sekiranya dicampurkan dengan pengurangan cukai dan subsidi yang diberikan kepada Lembaga Elektrik Negara dan untuk bahan-bahan petroleum yang berjumlah sebanyak \$491 juta, maka jumlah bantuan Kerajaan ialah \$973 juta. (*Tepuk*).

Anggaran Belanja Mengurus sahaja menunjukkan tambahan sebanyak \$2,159 juta atau 24.8% dari anggaran asal 1979 yang berjumlah \$8,709 juta. Perbelanjaan yang tinggi ini akan membolehkan Kerajaan memberi perkhidmatan yang lebih baik dan meluas kepada rakyat. Di samping itu, Kerajaan akan dapat meluas dan menambahkan keupayaan pelaksanaannya supaya lebih berkesan bagi meneruskan usaha-usaha pembangunan yang amat besar, program-program dan projek-projek yang telah ditambahkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sesungguhnya "Operasi Isi Penuh" yang dilancarkan baru-baru ini akan dibiayai daripada tambahan dalam Anggaran Belanja Mengurus. Usaha ini akan membantu memperbanyak lagi tenaga manusia di pihak sektor awam bagi mengendalikan perancangan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985. Usaha ini juga akan mengukuhkan lagi jentera Kerajaan yang kian bertambah dengan pesatnya untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada sektor swasta.

Ganjaran dan pencen persaraan

Untuk meneruskan dan menguatkan keupayaan Kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat adalah perlu dikekalkan kakitangan Kerajaan yang kanan dan berpengalaman. Oleh itu saya mencadangkan supaya ditarik balik pengecualian cukai yang diberi ke atas ganjaran dan pencen kakitangan awam yang bersara sebelum umur 55 tahun.

Saya mencadangkan supaya pengecualian hanya dibenarkan ke atas ganjaran dan pencen persaraan yang dibayar kepada seorang pekerja di dalam sektor awam dan swasta yang bersara apabila meningkat umur 55 tahun atau meningkat umur wajib untuk bersara seperti yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang. Walaupun cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1980, hak-hak dan tanggungan pekerja-pekerja yang persaraan mereka diluluskan oleh majikan mereka sebelum hari ini adalah dikekalkan.

Peruntukan-peruntukan besar telah disediakan bagi memperluas infrastruktur dalam kawasan-kawasan pertanian supaya dapat meningkatkan lagi usaha pemodenan dan menambah hasil pengeluaran rakyat. Perkhidmatan perkembangan telah dipergiatkan dan disediakan dengan lebih meluas. Lebih dari \$170 juta adalah diperuntukkan dalam Belanjawan 1980 untuk berbagai jenis subsidi yang akan membantu petani-petani dan nelayan-nelayan untuk menampung harga bahan-bahan pertanian yang lebih tinggi seperti baja dan jentera pertanian. Sebanyak \$21 juta lagi adalah disediakan untuk kemudahan tempat simpanan dan pengangkutan bagi mengelakkan kerosakan bahan-bahan pengeluaran pertanian.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu gembira dan puashati mendapat tahu bahawa Kerajaan bercadang menyatu dan menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan pertanian yang penting yang berkaitan dengan pengeluaran, pemasaran dan kredit dan akan melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan ini dengan lebih cekap bagi faedah kaum tani. Langkah ini sudah tentulah akan menambahkan lagi berkesannya dasar-dasar pertanian Kerajaan dalam menambahkan pendapatan kaum tani kita dan mengurangkan kemiskinan di kalangan mereka.

Cukai-cukai Barangan

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah selanjutnya untuk mengembangkan pertumbuhan ekonomi, saya mencadangkan suatu perubahan besar di dalam struktur cukai barangan eksport. Perubahan ini ialah untuk membolehkan pengeluar-pengeluar barangan utama terutamanya pekebun-pekebun kecil getah, kelapa sawit dan lada dan pengusaha-pengusaha kecil lombong bijih timah mendapat faedah dari cukai yang rendah yang akan menghasilkan pendapatan lebih tinggi yang boleh dibelanjakan dan dengan itu menambahkan permintaan dan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi.

Konsep baru percukaian barangan ini akan didasarkan kepada kaedah cukai yang dikenakan selepas kos (cost-plus approach). Di bawah konsep ini kos pengeluaran sesuatu barangan akan diambilkira dan cukai-cukai yang sesuai akan dikenakan hanya ke atas harga-harga yang melebihi kos pengeluaran semasa.

Adalah didapati bahawa kos purata pengeluaran bagi getah ialah 53 sen satu paun, bagi timah \$1,110 sepikul, bagi kelapa sawit mentah \$455 satu tan metrik, dan bagi lada hitam dan lada putih masing-masing ialah \$130 sepikul dan \$160 sepikul.

Bagaimanapun, adalah dirasakan bahawa struktur duti ini janganlah kiranya sampai tidak menggalakkan pengeluar-pengeluar. Oleh itu adalah dicadangkan bahawa kadar tambahan maksima cukai tidak akan melebihi 50% bagi semua barangan.

Berdasarkan kepada konsep percukaian yang baru ini, maka duti eksport ke atas getah sekarang akan bermula pada peringkat harga melebihi 60 sen sepau. Bila harga melebihi 60 sen tetapi tidak melebihi 65 sen, duti dikenakan pada kadar 20% bagi tiap-tiap sen tambahan di dalam lingkungan harga ini. Begitu juga bagi tiap-tiap sen tambahan harga selepasnya tetapi tidak melebihi 70 sen, kadar sebanyak 25% dikenakan. Kenaikan kepada kadar tambahan sebanyak 5% bagi setiap 5 sen tambahan ini akan dikenakan sehingga ke paras harga 90 sen; kalau harga melebihi 90 sen maka kadar tambahan maksima akan dikenakan hanya sebanyak 50% sahaja.

Mengenai timah, adalah dicadangkan bahawa duti akan hanya dikenakan ke atas harga-harga melebihi \$1,200 sepikul. Bila harga melebihi \$1,200 sepikul tetapi tidak melebihi \$1,250 sepikul, duti dikenakan sebanyak 20% bagi setiap satu ringgit tambahan di dalam lingkungan harga ini. Begitu juga bagi tiap-tiap satu ringgit tambahan di dalam harga selepasnya tetapi tidak melebihi \$1,300, kadar sebanyak 25% dikenakan. Kadar tambahan bertambah sebanyak 5% bagi tiap-tiap \$50 tambahan selepasnya sehinggalah ke paras harga \$1,500 apabila kadar tambahan maksima sebanyak 50% akan mula dikenakan.

Memandangkan bahawa penyusunan semula duti ekseport ke atas bijih timah ini akan lebih memberi faedah kepada lombong-lombong yang beruntung besar, adalah dicadangkan supaya kadar tambahan tertinggi bagi cukai keuntungan timah dipinda dari 12½% kepada 15% ke atas keuntungan yang melebihi \$400,000.

Duti ekseport ke atas kelapa sawit mentah juga adalah dipinda supaya duti itu hanya dikenakan bila harga melebihi \$500 setan. Bila harga melebihi \$500 tetapi tidak lebih dari \$550, duti sebanyak 30% dikenakan bagi

setiap satu ringgit tambahan di dalam lingkungan harga ini. Bagi tiap-tiap satu ringgit tambahan selepas \$550 tetapi tidak melebihi \$600, kadar sebanyak 35% dikenakan. Selepas itu, kadar tambahan bertambah sebanyak 5% bagi tiap-tiap \$50 tambahan sehingga ke paras harga \$700 dan selepas itu kadar tambahan maksima sebanyak 50% akan dikenakan. Perbezaan duti ekseport sekarang ini sebanyak 30% antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak tetap tidak berubah.

Adalah dicadangkan juga supaya keluaran-keluaran sampingan minyak kelapa sawit yang diproses iaitu "palm stearin" dan isirung kelapa sawit dikenakan duti yang rendah iaitu sebanyak 5%.

Struktur baru duti bagi getah ini nyatalah akan mencapai dua objektif utama Kerajaan. Ianya akan mengurangkan beban cukai yang tinggi ke atas perusahaan getah berbanding dengan kelapa sawit dan akan memberikan perusahaan getah suatu kedudukan yang lebih baik dari kelapa sawit sesuai dengan dasar Kerajaan hendak menggalakkan perkembangan di dalam perusahaan getah.

Untuk lada, duti akan hanya dikenakan pada harga-harga melebihi \$130 sepikul untuk lada hitam dan \$160 sepikul untuk lada putih. Bagi harga-harga yang melebihi paras permulaan yang telah saya sebutkan itu, kadar tambahan dari 10% ke 50% maksima akan dikenakan.

Untuk menggalakkan perkembangan industri rempah, adalah dicadangkan supaya duti ekseport ke atas bahan rempah selain daripada lada dimansuhkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa Sektor Swasta hanya boleh berjalan dengan berkesan dalam suasana perniagaan yang baik dan dalam keadaan di mana boleh terdapat dengan mudah kemudahan-kemudahan infrastruktur asas. Suasana perniagaan yang baik ini adalah disebabkan terutamanya oleh keadaan politik yang stabil dan peluang-peluang perniagaan yang banyak. Oleh itu, dalam masa keadaan ekonomi yang bertumbuh dengan perlahan ini Sektor Swasta adalah digalakkan, dan memang sepatutnya, dengan daya usaha Kerajaan sendiri, untuk memelihara dan menambahkan lagi pelaburan mereka.

Oleh kerana itu, sebanyak \$585 juta telah diperuntukkan untuk memperbaiki serta memperluas sistem talikom. Dengan peruntukan ini, adalah dijangkakan bahawa muatan ibusawat talipon dapat ditambah sebanyak 164,000 talian, saluran kabel bawah tanah sebanyak 374,000 pasang, rangkaian talian sambung jauh dan cawangan-cawangan sebanyak 120,000 litar batu dan sebanyak 80,000 talian terus pelanggan-pelanggan lagi dapat dipasang. Peruntukan yang sebesar ini untuk projek-projek talikom bukan sahaja akan dapat membantu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sekarang, tetapi juga akan menambah kemudahan-kemudahan bagi pelabur-pelabur serta peniaga-peniaga terutamanya di dalam Pasaran Barangan (Commodity Exchange) yang akan ditubuhkan tidak berapa lama lagi.

Begitu juga, sebanyak \$581 juta akan diperuntukkan bagi memperluaskan bekalan elektrik selaras dengan perkembangan pelaburan pihak swasta.

Cukai Pendapatan Perseorangan

Tuan Yang di-Pertua, perubahan-perubahan cukai barangan dan peruntukan kemudahan-kemudahan infrastruktur adalah merupakan galakan-galakan baru kepada sektor swasta bagi menambahkan pelaburan dan meningkatkan pengeluaran. Di samping itu bagi memastikan bahawa pengguna-pengguna akan berupaya mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan, Kerajaan memang sedar bahawa permintaan ini mestilah disokong dengan berkesan oleh kuasa beli yang mencukupi di tangan pengguna-pengguna. Dengan itu saya bercadang membuat penyesuaian yang berkesan mengenai struktur cukai pendapatan perseorangan.

Saya mencadangkan supaya pelepasan untuk orang perseorangan dinaikkan kepada \$5,000 berbanding dengan \$2,000 sekarang ini (*Tepuk*). Tambahan sebanyak \$3,000 ini terdiri daripada tambahan sebanyak \$1,000 untuk pelepasan diri, \$1,000 untuk mengganti pelepasan pendapatan tenaga yang diberi sekarang dan \$1,000 lagi pelepasan untuk tanggungan. Rebet sebanyak \$60 yang diberikan sekarang dikekalkan.

Saya juga suka mencadangkan supaya pelepasan isteri sebanyak \$1,000 dinaikkan menjadi \$2,000 (*Tepuk*). Pelepasan untuk pendapatan tenaga isteri adalah ditarik balik tetapi rebet untuk isteri sebanyak \$30 dikekalkan (*Ketawa*).

Memandangkan bahawa kos pelajaran di luar negeri semakin meningkat, adalah dicadangkan supaya elaun untuk anak-anak yang belajar di luar negeri yang mana sekarang ini ialah dua kali jumlah pelepasan untuk anak-anak, dinaikkan menjadi empat kali ganda (*Tepuk*).

Pada masa ini pendapatan yang dikenakan cukai yang melebihi \$50,000 tetapi tidak melebihi \$75,000 adalah dikenakan pada kadar 50% manakala pendapatan melebihi \$75,000 dikenakan kadar 55%. Adalah dicadangkan untuk mengurangkan beban cukai ke atas pendapatan dikenakan cukai yang melebihi \$50,000. Di bawah cadangan ini pendapatan yang dikenakan cukai yang melebihi \$50,000 tetapi tidak melebihi \$75,000 akan tertakluk kepada kadar yang dikurangkan iaitu sebanyak 45% dan untuk pendapatan yang melebihi \$75,000 tetapi tidak melebihi \$100,000 kadarnya ialah 50%. Untuk pendapatan dikenakan cukai yang melebihi \$100,000 kadarnya ialah 55%.

Bagi cukai keuntungan berlebihan (*excess profits tax*) had pengecualian cukai yang ada sekarang sebanyak \$75,000 untuk seseorang (selain daripada syarikat) dinaikkan kepada \$100,000. Oleh itu orang perseorangan akan hanya tertakluk kepada cukai keuntungan berlebihan di atas pendapatan yang dikenakan cukai yang melebihi \$100,000 sahaja.

Kajian Duti Harta Pesaka

Sekarang ini terdapat tiga perundangan duti harta pesaka bagi negeri-negeri di Malaysia. Adalah dicadangkan supaya disatukan ketiga-tiga perundangan ini sebaik sahaja persediaan-persediaan disempurnakan. Untuk sementara waktu saya ingin mencadangkan langkah-langkah berikut dengan tujuan menjadikan struktur cukai ini lebih saksama dan juga memperbaiki agehan pendapatan:

- (a) Paras pengecualian sekarang sebanyak \$50,000 untuk harta pesaka si mati yang menetap di Malaysia akan dinaikkan menjadi \$300,000 memandangkan bahawa paras harga dan nilai rumah dan harta semakin meningkat supaya beban cukai harta pesaka ke atas waris-warisan dapat diringankan. Dengan ini, hanya harta pesaka yang bernilai lebih daripada \$300,000 sahaja akan tertakluk kepada duti harta pesaka.

- (b) Peruntukan potongan sebanyak 50% daripada cukai harta pesaka dengan ini ditarik balik.

- (c) Adalah juga dicadangkan supaya struktur duti harta pesaka disusun semula supaya harta pesaka yang bernilai kurang daripada \$700,000 dikenakan beban cukai yang lebih ringan berbanding dengan kadar yang ada sekarang. Untuk harta yang bernilai lebih daripada \$700,000 beban cukai di bawah cadangan baru ini adalah tinggi sedikit jika dibandingkan dengan kadar sekarang. Titik perbezaan dinilaian \$700,000 ini difikirkan wajar dengan mengambil kira matlamat peragihan pendapatan dan harta.

- (d) Akhirnya, saya bercadang menaikkan perbelanjaan urusan pengkebumian menjadi \$3,000.

Cadangan ini akan dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia dahulu sementara penguatkuasaannya di Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan pada suatu tarikh yang akan ditetapkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah cukai yang baru yang saya cadangkan, Kerajaan akan terus melaksanakan dasar kewangan yang flexible bagi memudahkan pertumbuhan permintaan dalam negeri, terutamanya permintaan sektor swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, pelaburan swasta dan pengwujudan peluang-peluang pekerjaan.

Dasar kewangan akan digubal berdasarkan tujuan-tujuan berikut: untuk mengembangkan bekalan wang dan credit bagi mengurangkan tekanan-tekanan akibat kemelesetan yang mungkin datang dari luar dan untuk memudahkan pengekalan pertumbuhan aktiviti ekonomi, terutamanya pelaburan swasta, tanpa memburukkan lagi tekanan-tekanan inflasi yang ada; untuk mengawal keadaan mudah tunai bagi mewujudkan suasana yang sesuai dalam menggalakkan permintaan swasta ke atas credit pada kos yang berpatutan; dan untuk menentukan pinjaman bank dibahagikan dengan cara saksama di antara sektor-sektor utama dalam negara.

Sektor pembinaan masih lagi merupakan salah satu dari sektor yang paling dinamis dalam ekonomi negara kita. Sebahagian besar dari kegiatan tersebut adalah bagi pembinaan rumah-rumah kediaman. Pada masa ini,

pinjaman-pinjaman perumahan diberikan oleh bank-bank perdagangan dan lain-lain institusi kewangan untuk tempoh selama 15 tahun. Jumlah pembayaran balik bulanan akan dikurangkan dengan banyak sekiranya tempoh pembayaran balik dapat dilanjutkan kepada 25 tahun atau lebih dan ini akan dapat dinikmati oleh golongan rakyat yang lebih besar terutama sekali dari kumpulan berpendapatan rendah dan pertengahan. Untuk membolehkan institusi kewangan melaksanakan perkara ini dengan cara yang baik, satu pasaran mortgage atau pasaran gadaian perlu ditubuhkan. Saya telahpun mengarah Bank Negara untuk berunding dengan institusi-institusi kewangan utama supaya mengkaji cadangan ini dengan mendalam untuk mewujudkan satu skim yang munasabah. Sekim ini apabila dilaksanakan sudah pasti akan menolong golongan rakyat yang lebih besar memiliki rumah dan dengan itu akan mencetus kegiatan pembinaan dengan lebih hebat lagi dalam tahun 1980an.

Elaun Susutan Dipercepatkan

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat bahawa elaun susutan yang dipercepatkan (accelerated depreciation allowance) mengandungi elaun permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan sebanyak 80% untuk perbelanjaan modal ke atas mesin dan loji telah dilanjutkan kepada semua badan perusahaan dan perindustrian dalam Belanjawan 1978 untuk tahun-tahun taksiran 1979 dan 1980.

Saya mencadangkan sekarang supaya tempoh kebenaran ini dilanjutkan selama tiga tahun lagi berakhir pada tahun taksiran 1983.

Elaun Pelaburan Semula

Begitu juga, menerusi Belanjawan 1979, elaun pelaburan semula sebanyak 25% untuk perbelanjaan modal ke atas mesin dan loji dan ke atas bangunan perusahaan telah diberi untuk tahun-tahun taksiran 1980 dan 1982 kepada perusahaan pembuatan dan pemerosesan. Untuk memberi layanan yang sama seperti elaun susutan yang dipercepatkan, saya mencadangkan bahawa tempoh kebenaran untuk elaun pelaburan semula ini dilanjutkan setahun lagi berakhir pada tahun taksiran 1983.

Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia (Long Term Credit Bank)

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya membentangkan Belanjawan pada tahun lepas, saya telah mencadangkan agar diadakan bantuan kewangan jangka panjang bagi perusahaan perkapalan, supaya perusahaan ini dapat diperluaskan dan mampu untuk bertanding di peringkat antarabangsa dari segi pembinaan kapal untuk tujuan eksport dan menjalankan kerja-kerja pembaikannya. Bagi mencapai matlamat ini, Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad telah ditubuhkan pada 7hb Ogos, 1979 dengan modal yang dibenarkan sebanyak \$100 juta bagi menyediakan bantuan kewangan jangka panjang kepada perusahaan perkapalan dan juga lain-lain perusahaan di Malaysia. Dengan dibiayai secara bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Bank Negara Malaysia, Bank Kemajuan akan membantu perusahaan-perusahaan dalam negeri memperkembang dan meningkatkan lagi teknologi dan pengeluaran dan membiayai semula eksport mereka bagi membolehkannya bertanding di peringkat antarabangsa. Bank ini telahpun melancarkan kemudahan pembiayaan membaiki kapalnya. Inbois-inbois bagi membaiki kapal di dalam dan luar negeri adalah layak menerima bantuan kewangan di bawah kemudahan ini bagi tempoh satu tahun pada kadar faedah yang rendah sebanyak 4.5 peratus setahun. Bank Kemajuan sekarang ini sedang menyediakan beberapa skim pembiayaan perusahaan, termasuk kredit pembekal dan pembeli jangka pertengahan dan panjang bagi mengeksport kapal-kapal, mesin, peralatan dan lain-lain barang modal yang dibuat di Malaysia.

Galakan Cukai untuk Insurans Semula ke dalam negeri

Dalam memberikan galakan untuk pelaburan kita perlu juga memberi galakan kepada Sektor Perkhidmatan. Ini adalah penting kerana skop untuk berkembang amat luas seperti di dalam Perusahaan Insurans.

Sekarang ini, keuntungan yang didapati daripada perniagaan insurans semula ke dalam negeri (inward reinsurance) adalah dikenakan cukai pada kadar cukai syarikat sebanyak 40%. Walhal di negara-negara jiran kadar-kadarnya adalah di dalam lingkungan 10% dan 17% sahaja. Dengan adanya beban cukai yang lebih berat ini, adalah sukar bagi perusahaan insurans di Malaysia memajukan perniagaan insurans semula ke dalam negeri.

Oleh itu saya mencadangkan supaya layanan cukai yang lebih istimewa iaitu dengan mengurangkan kadar cukai yang dikenakan ke atas keuntungan daripada perniagaan insurans ke dalam negeri daripada 40% menjadi 5% supaya perusahaan insurans di Malaysia ini dapat bersaing dengan lebih berkesan. Dividen yang dibayar kepada pemegang-pemegang saham daripada keuntungan perniagaan insurans semula ke dalam negeri akan dikecualikan daripada cukai. Dengan beban cukai yang lebih ringan ini, syarikat-syarikat insurans dalam negeri akan berupaya menawarkan premium yang lebih rendah untuk menarik insurans semula ke dalam negeri dan dengan demikian akan mengembangkan lagi skop dan pencapaian perusahaan insurans.

Galakan cukai untuk tanaman semula hutan

Adalah dicadangkan supaya penanaman kayu-kayan diberi galakan dengan memberikan layanan cukai yang sama kepada tanaman semula hutan seperti yang diberikan kepada perusahaan tanaman yang lain. Penanaman kayu kayan akan dimasukkan ke dalam takrif "tanaman yang dibenarkan" di dalam Akta Cukai Pendapatan. Apa-apa perbelanjaan untuk menanam semula akan dibenarkan sebagai perbelanjaan hasil di dalam tahun-tahun di mana perbelanjaan itu dilakukan. Seterusnya perbelanjaan ke atas mesin dan loji yang digunakan di dalam usaha menanam semula kayu-kayan mendapat elaun permulaan sebanyak 60%.

Galakan-galakan cukai untuk Eksport

Eksport barang-barang perkilangan telah bertambah dengan kadar yang mengagumkan sebanyak 20% dalam beberapa tahun yang lepas. Arahalian ekonomi yang semacam inilah yang memerlukan galakan terutamanya di ketika ekonomi seluruh dunia begitu lembab kedudukannya. Pertumbuhan ekonomi kita sendiri boleh digalakkan dan disokong dengan mengekalkan pertumbuhan eksport perkilangan yang baik itu. Kita tidak boleh membiarkan rosotan di luar negeri menjejaskan rancangan-rancangan jangka panjang kita di bidang-bidang perusahaan dan pemodenan.

Oleh itu saya bercadang mengadakan galakan-galakan tambahan bagi mendorong perusahaan-perusahaan perkilangan yang berorientasikan eksport dengan membenarkan

supaya perbelanjaan menyenggara pejabat-pejabat jualan untuk memajukan eksport di seberang laut layak mendapat potongan tambahan. Juga saya bercadang untuk menggantikan elaun eksport sekarang ini dengan elaun yang diberi terus sebanyak 2% daripada nilai di kilang untuk semua jualan eksport, dan elaun tambahan 10% lagi kalau jualan eksport meningkat melebihi apa yang tercapai dalam tahun sebelumnya.

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan mengemukakan satu pindaan kepada Akta Galakan Pelaburan kepada Dewan ini dalam sidang sekarang untuk dibahas dan diluluskan.

Kemudahan Pembiayaan Semula Eksport

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa Bank Negara telahpun memberikan kemudahan-kemudahan pada kadar yang rendah kepada pengeksport dalam urusan niaga eksport mereka sebelum atau selepas barang-barang dieksport sebagai sebahagian dari dasar Kerajaan menggalakkan eksport bahan-bahan perkilangan. Kita telahpun mengkaji semula kemudahan-kemudahan ini dan sekarang saya cadangkan supaya kemudahan-kemudahan yang diberi sebelum barang-barang dieksport diperluas liputannya supaya keluaran getah dan plastik, kasut, keluaran logam, alat sukan dan perabot boleh juga di biyai. Dengan tambahan yang dicadangkan itu, liputannya sekarang akan ditambah kepada kira-kira 25% dari jumlah eksport barang-barang perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, tugas membanteras inflasi bukanlah tanggungjawab Kerajaan sahaja. Sektor swasta mestilah juga memainkan peranannya. Antara lain, saya sering menyuarakan perlunya wujud satu gerakan pengguna yang tersusun dan kukuh. Ahli perniagaan dan pekilang-pekilang perlu juga memainkan peranan mereka. Pengguna-pengguna biasanya membeli barang dari pasaran yang termurah sekali. Sejak bermulanya Rancangan Malaysia Ketiga, nilai ringgit kita telah meningkat lebih dari 20% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan lebih dari 10% berbanding dengan sterling. Dalam tahun 1979 nilai ringgit telah meningkat sebanyak 18% berbanding dengan Yen Jepun. Pengimport dan pekilang-pekilang hendaklah mengambil peluang dari keteguhan ekonomi kita dan bertindak dengan segera untuk mempelbagaikan import atau sumber-sumber

bekalan mereka dari yang paling murah, supaya dapat mengurangkan kesan inflasi dari luar negeri ke atas paras harga dalam negeri.

Pada keseluruhannya, kita telah mencapai kejayaan dalam mengembangkan eksport barang-barang perkilangan negara, yang mana sebahagian besarnya disalurkan ke pasaran tradisi di negara-negara perindustrian. Walaupun kita perlu mengekal dan mengembangkan pasaran-pasaran tersebut, usaha-usaha yang lebih seharusnya dibuat bagi memaju pasaran-pasaran yang semakin dinamis yang lebih berdekatan dengan negara kita melalui kerjasama serantau.

Negara-negara Asia Timur dan ASEAN mempunyai potensi yang besar bagi perkembangan perdagangan dan perindustrian. Di samping itu, potensi dan prospek adalah lebih besar untuk kerjasama perdagangan dan perusahaan di Rantau Pasifik yang luas itu. Memang benar, bahawa walaupun kita berada diambang tahun 1980an, Malaysia seharusnya mula memikirkan dengan lebih serius mengenai perancangan bagi kemungkinan dan potensi perdagangan dan perindustrian yang besar dalam konteks Rantau Pasifik yang lebih luas lagi. Kita perlu memandang jauh ke hadapan. Kita perlu berfikir luas.

Kita tidak boleh terus bergantung kepada negara-negara perindustrian, yang dipanggil Negara-negara Utara. Sering kali, negara-negara sedang membangun telah tidak mendapat layanan untuk mengujudkan satu Susunan Baru Ekonomi Dunia.

Seperti dipersetujui oleh negara-negara sedang membangun di Persidangan UNCTAD V yang lalu, kita perlu mengambil langkah-langkah yang lebih bagi menambahkan kerjasama perdagangan dan perindustrian di kalangan negara-negara membangun sendiri. Di samping potensi yang lebih besar yang terdapat dalam ASEAN dan negara-negara sedang membangun yang lain di Asia, kita boleh dan seharusnya memandang ke hadapan dengan keyakinan bagi memperkembangkan hubungan dagangan dengan negara-negara Islam yang mana kita mempunyai hubungan persaudaraan yang semakin kukuh.

Mengujudkan sistem gudang berlesen di Malaysia

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kemudahan-kemudahan gudang pada ketika ini sangat terhad. Adalah dirasakan bahawa kemudahan-kemudahan ini patut diperluaskan kerana ianya akan membolehkan pengawasan Kastam yang lebih baik dan harga-harga yang lebih bersaing kerana pengimport-pengimport akan dapat mengimport dengan banyak. Oleh itu adalah dicadangkan supaya lebih banyak lesen-lesen untuk menubuhkan gudang-gudang di serata. Pihak swasta adalah diharap memainkan peranan yang utama untuk memiliki dan mentadbirkan gudang-gudang ini. Adalah juga dicadangkan supaya *barang-barang ganti, buah-buahan dan makanan di dalam tin*, alat solek, jam tangan dan barang-barang kimia dimasukkan sebagai barang-barang yang boleh mendapat faedah dari kemudahan-kemudahan gudang berlesen ini. Senarai barang-barang itu akan ditambah dari masa ke semasa.

Perusahaan mengelolakan sesebuah gudang adalah memerlukan lesen dari Jabatan Kastam dan permohonan bolehlah dibuat kepada Jabatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, *pembasmian kemiskinan* tidak dapat dilihat dari segi menambahkan pendapatan wang tunai semata-mata. Pembasmian kemiskinan juga melibatkan peningkatan dalam taraf hidup dan juga kualiti kehidupan golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, Belanjawan 1980 menyediakan peruntukan bagi pembinaan 350 batu jalanraya luarbandar yang akan membantu memperbaiki dan memperluas lagi peluang-peluang mereka yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi Kerajaan yang luas seperti faedah-faedah pelajaran dan kesihatan. Ini juga akan memperbaiki lagi sistem pengedaran yang akan membolehkan petani-petani yang berpendapatan rendah memasarkan hasil-hasil perusahaan mereka dengan lebih cekap bagi menambahkan pendapatan mereka.

Begitu juga, Belanjawan 1980 akan menyediakan peruntukan sebanyak \$90 juta bagi bekalan letrik luarbandar untuk faedah lebih-kurang 40,000 keluarga luarbandar. Kira-kira \$200 juta disediakan untuk menambahkan bekalan air. Sejumlah \$146 juta lagi akan diperuntukkan bagi perkhidmatan kesihatan

luarbandar dan usaha membaiki hospital-hospital terutamanya di kawasan-kawasan kurang maju. Dengan itu, lebihkurang 90 pusat kesihatan besar, 12 poliklinik dan 108 klinik luarbandar akan didirikan dalam tahun 1980. Kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan yang bertambah ini akan memberi faedah kepada 200,000 orang lagi menjadikan bilangan yang mendapat nikmat ini seramai kira-kira 6.5 juta orang, kebanyakannya tinggal di kawasan-kawasan luarbandar.

Semuanya kemudahan ini akan membantu meningkatkan taraf hidup dan menambah keupayaan penghasilan pekerja-pekerja luarbandar dan dengan itu akan menolong menambahkan lagi pendapatan mereka bahkan mengurangkan kemiskinan.

Pelajaran dan Lain-lain Kemudahan

Peruntukan bagi kemudahan-kemudahan Pelajaran dan Latihan secara meluas dan merata meliputi serendah-rendah lapisan rakyat adalah suatu cara yang nyata dan berkesan bagi mengurangkan, kalau tidakpun menghapuskan, beban perbelanjaan pelajaran yang besar yang terpaksa ditanggung oleh golongan rakyat yang miskin.

Kira-kira satu perlima daripada jumlah belanja mengurus atau \$2,055 juta adalah diperuntukkan bagi Pelajaran. Lebihkurang \$587 juta adalah untuk kemudahan-kemudahan latihan bagi membolehkan perkembangan yang lebih pesat dalam pelajaran rendah, menengah dan tinggi. Peruntukan yang besar ini akan menjamin penyediaan sejumlah 2,120 projek yang akan memberi faedah kepada 3 juta murid. Peruntukan-peruntukan yang bertambah dalam pelajaran teknikal dan vokesyenal juga akan mewujudkan suatu bekalan tenaga manusia yang mahir bagi keperluan sektor industri swasta. Dengan peruntukan sebanyak lebihkurang \$12 juta, 13 buah sekolah teknikal dan vokesyenal baru akan disiapkan di seluruh Malaysia. Di samping itu, kerja-kerja awal akan dimulakan bagi membina 24 buah lagi. Oleh itu, hingga tahun hadapan bilangan kelas bagi sekolah-sekolah teknikal dan vokesyenal akan bertambah dari 588 kepada 605 dan ini akan dapat menambahkan bilangan murid-murid dari 19,000 kepada lebihkurang 21,000 orang.

Banyak wang sedang disediakan untuk membantu murid-murid dari golongan yang berpendapatan rendah. Kira-kira \$17 juta ada diperuntukkan bagi Sekim Pinjaman Buku

Teks, yang akan memberi menafaat kepada kira-kira 3 juta murid. Sebanyak \$62 juta akan disediakan untuk biasiswa dan dermasiswa kepada lebih 92,000 murid. Sebanyak \$20 juta lagi akan disediakan tahun depan untuk membolehkan kira-kira 587,000 murid mendapat makanan percuma. Sekolah-sekolah berasrama yang kebanyakannya untuk murid-murid dari golongan yang berpendapatan rendah akan diberi peruntukan sebanyak \$23 juta bagi menampung kira-kira 39,000 murid.

Kerajaan sedang melipatgandakan usaha-usahanya bagi menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi terutamanya rumah-rumah kos rendah bagi kumpulan yang berpendapatan rendah. Usaha-usaha untuk mendirikan lebih banyak lagi bilangan rumah akan dipergiatkan dan sebanyak \$237.4 juta akan disediakan sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya bagi membina lebih dari 40,000 yunit rumah kos rendah.

Cadangan untuk mengurangkan Beban Cukai ke atas Sektor Pengangkutan Awam—Teksi, Kereta Sewa dan Bas

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam untuk orang ramai, adalah dirasakan beberapa galakan patut diberi. Untuk tujuan ini, saya mencadangkan untuk:

- (a) mengurangkan duti eksais ke atas teksi dan kereta sewa sebanyak 50%;
- (b) mengurangkan cukai jalan ke atas teksi dan kereta sewa sebanyak 50%;
- (c) mengurangkan cukai enjin ke atas bas sebanyak 25%.

Cadangan untuk menaikkan cukai jalan ke atas kereta-kereta persendirian yang menggunakan diesel

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, subsidi ke atas diesel adalah bertujuan untuk memberi faedah kepada pengguna-pengguna industri dan juga perusahaan pengangkutan awam untuk menahan kenaikan harga, dan bukanlah bermaksud untuk memberi faedah kepada tuanpunya kereta-kereta persendirian yang menggunakan diesel. Dengan itu, saya mencadangkan cukai ke atas kereta-kereta persendirian yang menggunakan diesel dinaikkan lima kali ganda daripada cukai jalan ke atas kereta-kereta yang menggunakan petrol berbanding dengan kadar sekarang sebanyak empat kali ganda.

Duti Import dan Eksais

Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendapati bahawa Belanjawan 1980 tidak banyak memberikan perhatian untuk mengurangkan duti import. Ini bukanlah kerana Kerajaan tidak mahu mengurangkan duti import, terutamanya bagi barang-barang yang digunakan oleh golongan berpendapatan rendah. Sebaliknya saya boleh memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah mengurangkan atau menghapuskan duti import ke atas bahan-bahan makanan yang utama dan juga barang-barang lain untuk kegunaan ramai. Apa-apa duti yang dikenakan ke atas barang-barang selain daripada ini adalah untuk melindungi perusahaan-perusahaan tempatan dari pertandingan dan tidaklah boleh dikurangkan buat masa ini.

Oleh itu untuk Belanjawan tahun ini, sedikit sangat yang hendak saya tawarkan kecuali mencadangkan pengurangan duti ke atas beberapa butiran yang amat terhad seperti berikut:

- (a) duti import ke atas durian, mangga dan nangka dikurangkan sebanyak 50% lagi;
- (b) duti import ke atas filem/negatif bagi perusahaan filem dikurangkan dari 40% kepada 5%;
- (c) duti import ke atas alat-alat sukan seperti basikal lumba, sarong tangan untuk sukan dan alat-alat gimnastik adalah dihapuskan;
- (d) duti import ke atas "cylinder block" dikurangkan dari 75% kepada 25%.

Saya juga mencadang dihapuskan duti eksais ke atas bateri yang dibaharui supaya mendapat layanan yang sama seperti diberikan kepada tayar celup. Duti eksais ke atas tilam getah juga dikurangkan dari 44 sen sekilogram kepada 33 sen sekilogram bagi menyamakannya dengan duti yang dikenakan ke atas tilam-tilam "foam" plastik.

Galakan cukai untuk mendorong pelaburan dan penyusunan semula

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan adalah memainkan peranan utama untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan, terutama sekali pelaburan. Namun begitu, sektor swasta perlu menyokong dan membantu daya usaha Kerajaan dengan lebih giat untuk menerus dan memperkukuhkan

peranan sektor swasta yang semakin bertambah penting di dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan yang seimbang di bawah Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu perlulah kita memastikan yang matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula tercapai mengikut jadual. Ini memerlukan usaha serentak yang berterusan melalui segala aspek dasar Kerajaan termasuklah juga dasar percukaian. Oleh itu saya suka mencadangkan langkah-langkah percukaian yang berikut sebagai galakan untuk mempercepatkan usaha penyusunan semula syarikat dan untuk mempergiat pelaburan dan pertumbuhan ekonomi.

- (a) Sekarang ini syarikat-syarikat dikenakan membayar cukai pada kadar 40%. Di bawah cadangan baru ini mana-mana syarikat yang mempunyai modal yang dibayar yang tidak kurang dari \$1 juta atau yang mempunyai harta bersih yang tidak kurang dari \$1 juta yang mematuhi peraturan penyusunan semula ekuiti Dasar Ekonomi Baru hanya akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 35%;
- (b) Saya juga suka mencadangkan supaya mana-mana syarikat yang mematuhi peraturan penyusunan semula tenaga dan/atau saluran pemasaran seperti pengedar, pemborong dikecualikan daripada cukai pembangunan yang sebanyak 5% itu.

Kedua-dua pengecualian ini akan diluluskan apabila mendapat sijil pengesahan tahunan daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing. Kedua-dua galakan ini akan berlangsung untuk selama 3 tahun taksiran sahaja mulai tahun taksiran 1980 sehingga tahun taksiran 1982.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa Kerajaan adalah bersungguh-sungguh untuk mempercepatkan langkah penyusunan semula milik modal dalam syarikat-syarikat bukan sahaja melalui galakan-galakan (fiscal incentives) tetapi juga dengan mengambil bahagian secara langsung dalam sektor perindustrian dan perdagangan.

Galakan untuk meningkat kadar pertumbuhan pelaburan swasta yang lebih pesat selaras dengan pencapaian matlamat nasional dalam penyusunan semula akan menjamin bukan sahaja pertumbuhan dan perkembangan perindustrian yang seimbang, tetapi juga yang stabil dan kekal. Oleh itu,

sejumlah \$1,086 juta adalah diperuntukkan dalam Belanjawan 1980 bagi menggalak dan mengukuhkan dasar perindustrian Kerajaan. Dari jumlah yang besar ini, sebanyak \$227 juta akan diperuntukkan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bagi membolehkannya menggalakkan pembangunan perindustrian bersama-sama dengan sektor swasta. Penyertaan Kerajaan dalam perindustrian secara usaha sama dengan sektor swasta akan membantu untuk mencapai matlamat sosio-ekonomi kita secara bersama oleh kerana kedua-dua sektor awam dan swasta akan mendapat banyak faedah daripada kerjasama untuk mencapai matlamat kita yang sama.

Sebagai suatu langkah lagi untuk mempesatkan kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam menambah pemilikan modal kaum bumiputra, peruntukan sebanyak \$300 juta akan disediakan sebagai tambahan kepada modal sekarang sebanyak \$200 juta dalam Yayasan Pelaburan Bumiputra.

Kita akui bahawa salah satu halangan yang besar dalam perkembangan hakmilik dan penyertaan Bumiputra dalam modal syarikat-syarikat ialah kekurangan wang. Oleh itu, dalam Belanjawan 1980, sebanyak \$256 juta disediakan sebagai tambahan kepada Pernas, UDA dan MARA yang merupakan institusi-institusi Kerajaan yang terbesar yang telah ditubuhkan untuk mencapai matlamat penyusunan semula.

Sayugia saya menambah bahawa sumber-sumber kewangan tambahan ini merupakan satu langkah selain daripada garis panduan baru berkenaan pinjaman bank yang telah ditetapkan dua bulan dahulu untuk bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan bagi menghasilkan tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu adalah nyata bahawa Kerajaan sedang berusaha sedaya-upayanya dengan kerjasama daripada sektor bank untuk menambah wang yang boleh dipinjam oleh kaum Bumiputra dan Peniaga-peniaga Kecil dan juga oleh sektor pertanian untuk menambah pengeluaran makanan dan ini akan mempercepatkan pelaburan swasta serta pencapaian matlamat penyusunan semula.

Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan sekarang ini sedang membuat persediaan untuk memindahkan kepada Bumiputra milik saham-saham dalam syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan yang telah

berboleh kejayaan. Kerja-kerja berkaitan dengan pemindahan-milik saham-saham itu akan memakan masa kerana ianya mungkin melibatkan pindaan kepada beberapa perundangan yang sedia ada. Adalah diharapkan bahawa pemindahan-milik itu dijangka akan dapat dilakukan pada pertengahan tahun 1981 melalui satu skim yang sedang digubal dalam mana ianya akan memastikan bahawa bahagian yang terbesar daripada saham-saham syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan akan dikuasai oleh sebilangan besar rakyat yang berpendapatan rendah. Yayasan Pelaburan Bumiputra menerusi sekim yang dirancang olehnya akan menjadi salah satu daripada alat yang penting untuk menghasilkan tujuan ini. Dengan cara ini adalah dijangka bahawa golongan berpendapatan rendah akan dapat mengecap nikmat daripada rancangan pemindahan-milik saham itu kerana mereka akan dapat menguasai bahagian yang terbesar daripada saham-saham syarikat Kerajaan yang maju itu.

Sebagai langkah persediaan untuk menggalakkan pelabur-pelabur kecil atau orang-orang perseorangan yang berpendapatan rendah menyimpan serta melaburkan wang mereka dalam sekim-sekim yang berkeuntungan maka saya mencadangkan, supaya keuntungan amanah saham yang diluluskan akan dikecualikan daripada cukai pendapatan dan "dividend" atau pembahagian keuntungan yang jumlahnya tidak melebihi \$4,000 setahun yang diterima oleh pembayar cukai yang menjadi pemegang yunit amanah saham juga dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Ramalan Ekonomi Malaysia dan Belanjawan bagi tahun 1980

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menggariskan Strategi Belanjawan tahun 1980 dan mengemukakan cadangan-cadangan bagi mencapai Matlamat-matlamat Strategi Belanjawan. Soalnya sekarang ialah apakah pula prospek bagi ekonomi dan belanjawan Malaysia dalam tahun 1980?

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa adalah sukar hendak memastikan anggaran-anggaran keadaan ekonomi dan kewangan bagi masa depan, terutama sekali di kala keadaan ekonomi antarabangsa tidak berketentuan dan sistem kewangan tidak stabil.

Walaupun begitu, petanda-petanda pada masa ini menunjukkan bahawa pertumbuhan sebenar ekonomi negara kita dalam tahun 1980 adalah dalam lingkungan 6-7%. Pelaksanaan Strateji Belanjawan yang telah saya gariskan akan memberi asas yang kukuh bagi membolehkan ekonomi negara ini berkembang dengan lebih pesat dari yang dijangkakan bukan sahaja dalam tahun 1980 tetapi juga dalam beberapa tahun selepas itu. Potongan cukai sebanyak \$482 juta, serta pengorbanan hasil daripada cukai dan subsidi berhubung dengan letrik dan barang-barang petroleum yang berjumlah \$491 juta dalam tahun 1980 dikira akan dapat menghasilkan matlamat-matlamat Belanjawan. Dengan langkah-langkah tersebut, kita boleh menganggar bahawa paras harga dalam negeri akan stabil pada kira-kira 5-6% dalam tahun 1980.

Potongan cukai yang besar dapat dilakukan bukan sahaja kerana ketahanan ekonomi negara kita tetapi adalah juga kerana prestasi Belanjawan yang senantiasa kukuh dan hasil yang lebih baik yang dianggarkan bagi tahun hadapan. Lebihan Akaun Semasa Belanjawan tahun 1980 adalah dianggarkan sebanyak \$515 juta sebelum perubahan cukai dan \$33 juta setelah perubahan cukai diambil kira.

Potongan-potongan cukai serta perbelanjaan dan subsidi yang besar ini membolehkan kita mengadakan Strateji Belanjawan bagi menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi dan melawan Inflasi, bukan sahaja untuk menggalakkan lagi pelaburan dan memperbanyak lagi pengeluaran, tetapi juga bagi menolong terutamanya golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah menghadapi masalah-masalah ekonomi di masa hadapan.

Penutup

Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa kita boleh menghadapi masa depan dengan penuh harapan dan keyakinan. Kita tidak seharusnya khuatir dengan perkembangan-perkembangan ekonomi luar negeri yang muram itu. Apa yang diperlukan ialah membaharui azam kita menunaikan tanggungjawab bagi mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi supaya tercapai perpaduan nasional yang menjadi objektif utama kita.

Oleh itu Belanjawan 1980 telah memperuntukkan sebahagian besar dari peruntukan perbelanjaan kepada rancangan memperbesar, memperbaiki serta mempermoden Pasukan Keselamatan kita. Kita perlu menyediakan bantuan kewangan yang cukup untuk Pasukan Keselamatan kita bagi membolehkan mereka terus menentang dengan berkesan segala ancaman-ancaman keselamatan yang mungkin kita hadapi.

Bagaimanapun, sokongan kewangan sahaja tidak mencukupi. Seperti juga halnya di bidang ekonomi dan kewangan, keselamatan negara tidak boleh dan tidak harus dibebankan semata-mata ke atas bahu Kerajaan. Kerajaan telah dan akan terus memberikan pimpinan dan bimbingan, tetapi kekuatan yang sebenarnya mesti datang dari rakyat. Oleh itu, adalah penting bahawa dasar-dasar sosio-ekonomi Kerajaan dan Strateji Belanjawan yang melaksanakan dasar-dasar ini hendaklah mendapat sokongan yang penuh dari rakyat. Usaha-usaha Kerajaan bagi mendorong dan meluaskan pertumbuhan ekonomi dan membendung inflasi perlu juga disokong oleh usaha-usaha dari kalangan petani, nelayan, masyarakat perniagaan, pergerakan buruh, pasukan keselamatan dan kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita berdiri di ambang pintu tahun 1980 yang mana Belanjawan ini dibentangkan untuk persetujuan Ahli-ahli Yang Berhormat dan untuk mendapatkan mandat yang perlu bagi meneruskan serta meningkatkan segala kemajuan yang sudah kita capai begitu jayanya setakat ini. Dalam masa tiga bulan lagi kita akan melangkah masuk ke titik permulaan dekad yang akan menentukan nasib negara kita yang muda ini, suatu dekad yang akan menentukan sama ada kita rakyat yang taat setia dari berbagai kaum kelak akan dapat hidup sebagai suatu bangsa yang bersatu padu, seazam dan sepakat melaksanakan cita-cita dan hasrat Dasar Ekonomi Baru bagi membina suasana yang perlu yang bakal memajukan negara kita ke arah perseimbangan ekonomi dan kemakmuran; ataupun sebaliknya sama ada kita kelak akan hidup sebagai sebuah masyarakat yang bersengketa sama sendiri, saling tidak bertoleransi sehingga menimbulkan suasana yang tegang

dan tidak stabil yang kelak akan menghancurkan segala kehasratan hendak menjadikan Malaysia sebuah negara harapan di dalam mana seluruh warganegara dapat hidup di dalam keamanan, keharmonian, kemakmuran dan keselamatan. Oleh itu, saya berseru kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, kepada sekalian para pemimpin di segenap lapisan masyarakat kita, dan kepada sekalian warganegara yang taat setia di negara kita yang dicintai ini, yang dekat dan yang jauh di negara orang, supaya berdiri teguh di belakang Kerajaan, bersatu tujuan hendak memajukan kebajikan rakyat dan negara, dan janganlah hendaknya bermain emosi dan memajukan maksud-maksud yang tidak rasional yang hanya akan menjahanamkan negara dan segala benteng muhibbah yang telah sama-sama kita bina selama ini di dalam ikhtiar kita untuk mencapai perpaduan nasional, perseimbangan ekonomi, keadilan sosial dan kemakmuran bersama. Kita adalah suatu bangsa yang sebahagian terbesar dari rakyatnya adalah muda dan cerdas belaka. Negara kita kaya dengan sumber alam dan tenaga rakyatnya. Kita telah mencapai kemajuan dan kemakmuran yang mengirikan hati dunia. Saya yakin dan tidak ragu-ragu lagi di hati saya bahawa masa depan kita adalah cerah dan gairah dan kita berkemungkinan dan berupaya lagi meningkat ke tahap kemakmuran yang lebih tinggi dan merata, sekiranya kita menyatupadukan serta memperhebat kezaman kolektif kita memastikan serta memajukan lebih jauh lagi segala kejayaan yang maha besar yang sudahpun kita capai di dalam segenap lapangan hidup masyarakat kita. Oleh itu marilah kita sama-sama mara ke hadapan bersatu tekad dan tujuan bagi membina suatu nasib untuk bangsa kita yang muda ini yang akan menjadi kebanggaan dan kemuliaan yang dapat kita nikmati di dalam hayat kita dan yang dapat dinikmati juga seterusnya oleh generasi-generasi rakyat Malaysia yang akan datang, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama saya berkenaan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 66 (2) perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Pembangunan Tahunan ini hendaklah dibahaskan sekurang-kurangnya 2 hari selepas daripada Ucapan Belanjawan ini. Oleh kerana itu perbahasan atas kedua-dua masalah ini akan dimulakan pada hari Isnin, 22hb Oktober. Perbahasan atas dasar dan pentadbiran am Kerajaan akan diperuntukkan selebih-lebihnya 11 hari, iaitu termasuk 2 hari bagi jawapan Yang Berhormat Menteri-menteri dan perbahasan di dalam Jawatankuasa diperuntukkan selama tidak lebih daripada 16 hari.

Dewan sekarang ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 22hb Oktober, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.22 petang.

LAMPIRAN I

Percukaian Tidak Langsung

Konsep baru percukaian atas bahan utama berasaskan campurkos. Di bawah konsep ini kos pengeluaran bahan utama akan diambil-kira dan duti akan hanya dikenakan pada paras harga melebihi kos pengeluaran semasa.

Adalah dirasakan bahawa struktur duti tidak menjadi penghalang kepada pengeluaran-pengeluar. Oleh itu adalah dicadangkan supaya kadar cukai sut maksima tidak melebihi 50% untuk semua bahan utama.

LAMPIRAN II

Duti Eksport atas Getah

Mengambil-kira kos pengeluaran yang bertambah, adalah dicadangkan duti akan hanya dikenakan pada paras harga melebihi 60 sen satu paun. Ini bermakna pengeluar-pengeluar getah akan hanya membayar duti setelah kos pengeluaran diperolehi kembali. Kos pengeluaran sebanyak 60 sen satu paun telah dipilih bagi mengambil-kira kos pengeluaran yang lebih tinggi bagi pekebun-pekebun kecil. Duti baru atas getah adalah seperti berikut:

atas 60 sen satu paun yang pertama ...	Tiada
atas 5 sen sepaun ber- ikutnya	20% ad valorem
atas 5 sen sepaun ber- ikutnya	25% ad valorem
atas 5 sen sepaun ber- ikutnya	30% ad valorem
atas 5 sen sepaun ber- ikutnya	35% ad valorem
atas 5 sen sepaun ber- ikutnya	40% ad valorem
atas 5 sen sepaun ber- ikutnya	45% ad valorem
atas selebihnya ...	50%

LAMPIRAN III

Duti Eksport ke atas Timah

Adalah dicadangkan bahawa eksport dikenakan bagi paras harga melebihi \$1,200 sepikul. Struktur duti yang baru adalah seperti berikut:

di atas \$1,200 sepikul yang pertama ...	Tiada duti
---	------------

di atas \$50 sepikul ber- ikutnya	20% ad valorem
di atas \$50 sepikul ber- ikutnya	25% ad valorem
di atas \$50 sepikul ber- ikutnya	30% ad valorem
di atas \$50 sepikul ber- ikutnya	35% ad valorem
di atas \$50 sepikul ber- ikutnya	40% ad valorem
di atas \$50 sepikul ber- ikutnya	45% ad valorem
di atas bakinya ...	50%

LAMPIRAN IV

Duti Eksport ke atas Minyak Kelapa Sawit

Adalah dicadangkan bahawa titik permulaan bagi tujuan duti dinaikkan dari \$400 setan kepada \$500 setan untuk mengambil-kira bertambahnya kos pengeluaran minyak kelapa sawit mentah. Kadar-kadar duti yang baru adalah seperti berikut:

di atas \$500 setan yang pertama ...	Tiada duti
di atas \$50 setan ber- ikutnya	30% ad valorem
di atas \$50 setan ber- ikutnya	35% ad valorem
di atas \$50 setan ber- ikutnya	40% ad valorem
di atas \$50 setan ber- ikutnya	45% ad valorem
di atas bakinya ...	50%

Perbezaan duti sebanyak 30% akan dikekalkan bagi minyak kelapa sawit mentah yang dieksport dari Sabah dan Sarawak.

LAMPIRAN V

Struktur Duti atas Minyak Kelapa Sawit yang diproses

Pada masa ini terdapat hanya satu perjenisian bagi minyak kelapa sawit. Semua minyak kelapa sawit, sama ada yang mentah atau sudah diproses, terjatuh di bawah Kod BTN 15.07 180. Di samping itu, ada satu

lagi nombor kod berasingan untuk stearin, minyak isi kelapa sawit dan lain-lain keluaran siap seperti majerin.

Stearin, minyak isi kelapa sawit dan lain-lain keluaran siap tidak tertakluk kepada duti eksport. Stearin ialah bahagian beku daripada minyak kelapa sawit selepas menjalani proses "fractionation" (untuk mengasingkan bahagian-bahagian cecair dan beku daripada minyak mentah). Pada masa ini ianya dianggap sebagai satu hasil sampingan kerana tujuan "fractionation" ialah untuk menghasilkan olein atau bahagian cecair itu. Pada umumnya stearin digunakan sebagai asas untuk majerin, vanaspati, sabun dan lain-lain keluaran. Bagi minyak isi kelapa sawit, eksportnya telah bertambah dengan banyaknya dalam beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan bertambahnya bekalan isi kelapa.

Memandangkan kepada faktor-faktor seperti tersebut di atas adalah dicadangkan:

- (a) satu kod berasingan diwujudkan untuk semua minyak kelapa sawit yang diproses. Kod baru ini ialah No. BTN 15.07 190—lain-lain;
- (b) minyak isi kelapa sawit dan stearin dikenakan duti eksport sebanyak 5%.

LAMPIRAN VI

Duti Eksport Atas Lada

Adalah dicadangkan bahawa titik permulaan bagi pengenaan duti ialah \$130 sepikul bagi lada hitam dan \$160 sepikul bagi lada putih. Struktur baru duti eksport keatas lada hitam adalah seperti berikut:

Bagi lada hitam

di atas \$130 sepikul yang pertama ...	Tiada duti
di atas \$5 sepikul ber- ikutnya ...	10% ad valorem
di atas \$5 sepikul ber- ikutnya ...	15% ad valorem
di atas \$5 sepikul ber- ikutnya ...	20% ad valorem
di atas \$20 sepikul berikutnya ...	25% ad valorem

di atas \$20 sepikul berikutnya ...	30% ad valorem
di atas \$20 sepikul berikutnya ...	35% ad valorem
di atas \$40 sepikul berikutnya ...	40% ad valorem
di atas \$40 sepikul berikutnya ...	45% ad valorem
di atas bakinya ...	50%

Bagi lada putih

di atas \$160 sepikul yang pertama ...	Tiada duti
di atas \$20 sepikul yang berikutnya ...	10% ad valorem
di atas \$20 sepikul yang berikutnya ...	15% ad valorem
di atas \$20 sepikul yang berikutnya ...	20% ad valorem
di atas \$30 sepikul yang berikutnya ...	25% ad valorem
di atas \$30 sepikul yang berikutnya ...	30% ad valorem
di atas \$30 sepikul yang berikutnya ...	35% ad valorem
di atas \$30 sepikul yang berikutnya ...	40% ad valorem
di atas \$40 sepikul yang berikutnya ...	45% ad valorem
di atas bakinya ...	50%

LAMPIRAN VII

Duti Eksport atas Rempah selain dari Lada

Pada masa ini duti eksport dikenakan ke atas semua jenis rempah, iaitu kayu manis, bunga cengkih, halia, buah pala dan lain-lain. Pengenaan duti ini adalah dengan tujuan utama untuk menentukan bahawa terdapat bekalan yang cukup untuk kegunaan tempatan. Bagaimana pun, adalah dirasakan perlu untuk mengkaji semula duti eksport atas rempah-rempah ini dengan tujuan untuk menggalakkan perkembangannya. Adalah dicadangkan bahawa duti eksport sekarang ini atas rempah-rempah dihapuskan.

LAMPIRAN VIII

Cukai Pendapatan Orang Perseorangan

Di bawah struktur cukai sekarang, beban cukai bagi pendapatan-pendapatan yang dikenakan cukai, setelah ditolak potongan-potongan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

<i>Pendapatan kena cukai \$</i>	<i>Kadar sut (%)</i>	<i>Bayaran sut (%)</i>	<i>Bayaran \$</i>	<i>Kadar cukai purata (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
1,000– 2,500	6	150	150	6.0
2,501– 5,000	9	225	375	7.0
5,001– 7,500	12	300	675	6.0
7,501–10,000	15	375	1,050	10.5
10,001–15,000	20	1,000	2,050	13.7
20,001–25,000	30	1,500	4,800	19.2
25,001–35,000	35	3,350	4,300	23.7
35,001–50,000	40	6,000	14,300	28.6
50,001–75,000	50	12,500	26,800	35.2
75,001 dan lebih	55	—	—	—

Beban cukai keatas pendapatan yang dikenakan cukai adalah seperti di ruangan (5).

Adalah dicadangkan langkah-langkah di bawah ini diikuti untuk struktur cukai pendapatan asas perseorangan:

(a) Pelepasan Orang Perseorangan

Pada masa ini pelepasan perseorangan adalah seperti berikut:

- (i) pelepasan diri sebanyak \$2,000;
- (ii) pelepasan pendapatan tenaga sebanyak 1/10 daripada pendapatan atau \$1,000 yang mana lebih rendah;
- (iii) rebet sebanyak \$60. Ini akan dipotong daripada cukai yang kena dibayar.

Adalah dicadangkan bagi tahun 1980, sistem pelepasan sekarang digantikan dengan satu pelepasan diri sebanyak \$5,000 dan pelepasan bagi pendapatan tenaga ditarik balik. Dari kenaikan sebanyak \$3,000 ini, \$1,000 yang pertama ialah kenaikan sebenar bagi pelepasan diri, sementara \$1,000 yang kedua pelepasan yang diberi kepada tanggungan-tanggungan dan \$1,000 yang akhir ialah untuk pelepasan pendapatan tenaga dijadikan sebagai tambahan kepada pelepasan diri. Rebet sebanyak \$60 yang diberikan sekarang dicadangkan supaya diteruskan.

(b) Pelepasan kepada Isteri

Pada masa ini pelepasan kepada isteri adalah:

- (i) pelepasan untuk isteri sebanyak \$1,000;
- (ii) pelepasan pendapatan tenaga isteri sebanyak 9/10 daripada pendapatan atau maksima sebanyak \$500; dimana pendapatan tenaga melebihi \$5,000-1/10 daripada pendapatan atau maksima sebanyak \$1,000;
- (iii) rebet sebanyak \$30. Ini adalah dipotong daripada cukai yang kena dibayar.

Adalah dicadangkan supaya pelepasan isteri dinaikan menjadi \$2,000 dan pelepasan untuk pendapatan tenaga isteri ditarik balik. Rebet sebanyak \$30 itu dikekalkan.

(c) Elaun Untuk Anak-anak Yang Belajar Di Luar Negeri

Elaun yang diberikan sekarang kepada anak-anak yang belajar di luar negeri adalah dua kali ganda jumlah pelepasan anak-anak.

Adalah dicadangkan supaya elaun untuk anak-anak yang belajar di luar negeri dijadikan empat kali ganda potongan-potongan biasa yang pada masa ini adalah seperti berikut:

Anak pertama	...	\$800
Anak kedua	...	\$700
Anak ketiga	...	\$600
Anak keempat	...	\$500
Anak kelima	...	\$400

(d) *Semakan kepada Kumpulan Pendapatan Tertinggi yang dikenakan Cukai*

Sekarang ini pendapatan kena cukai yang melebihi \$50,000 tetapi kurang daripada \$75,000 adalah dikenakan cukai pada kadar 50%. Sementara pendapatan kena cukai yang melebihi \$75,000 kadar cukainya ialah 55%. Adalah dicadangkan supaya beban cukai untuk pendapatan kena cukai yang melebihi \$50,000 dikurangkan dengan tujuan memberi dorongan dan galakan kepada usaha tenaga. Dibawah cadangan ini pendapatan kena cukai yang melebihi \$50,000 tetapi kurang daripada \$75,000 akan dikenakan kadar sebanyak 45%, dan untuk pendapatan yang melebihi \$75,000 tetapi kurang daripada \$100,000 kadar cukainya ialah 50%. Untuk pendapatan yang melebihi \$100,000 kadarnya ialah 55%.

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan di antara bayaran cukai di bawah sistem pelepasan sekarang dan yang dicadangkan bagi beberapa kumpulan pendapatan:

Pendapatan \$	Cukai kena dibayar		Pengurangan bagi pembayar cukai \$
	Sekarang \$	Dicadang \$	
5,000	Tiada	Tiada	Tiada
10,000	345	120	225
20,000	2,085	1,560	525
30,000	4,885	4,110	775
50,000	12,410	11,410	1,000
75,000	24,550	22,400	2,150
100,000	39,010	35,710	3,300

Cadangan-cadangan di atas akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1980.

LAMPIRAN IX

Lanjutan langkah-langkah Belanjawan yang lepas

(i) *Elaun Susutan Dipercepatkan*

Elaun susutan dipercepatkan yang mengandungi elaun permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan sebanyak 80% untuk perbelanjaan modal atas loji dan mesin telah diumumkan dalam tahun Belanjawan 1977 untuk industri yang berasaskan pertanian dan industri-industri yang berkaitan untuk tempoh 3 tahun daripada tahun-tahun taksiran 1978 hingga 1980. Dalam Belanjawan 1978, skop elaun susutan dipercepatkan diperluaskan kepada industri-industri yang membuat perbelanjaan modal dalam tahun-tahun taksiran 1979 dan 1980. Adalah dicadangkan supaya tempoh tawaran itu dilanjutkan selama 3 tahun lagi sehingga dan termasuk tahun taksiran 1983.

(ii) *Elaun Pelaburan Semula*

Dalam Belanjawan 1979, elaun pelaburan semula sebanyak 25% daripada perbelanjaan modal ke atas loji dan mesin dan bangunan perindustrian (dipotong daripada pendapatan yang disesuaikan) ditawarkan untuk tempoh tiga tahun mulai tahun taksiran 1980 hingga 1982 (tahun asas 1979 hingga 1981) untuk industri pembuatan dan memproses yang menjalankan pembesaran seperti yang diluluskan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Untuk menyamakan dengan lanjutan Elaun Susutan dipercepatkan sehingga tahun taksiran 1983, adalah dicadangkan juga supaya tempoh tawaran elaun pelaburan semula patut juga dilanjutkan setahun lagi sehingga dan meliputi tahun taksiran 1983.

LAMPIRAN X

Galakan Cukai untuk Insuran Semula Ke dalam Negeri

Pendapatan daripada perniagaan insurans semula ke dalam negeri ditaksir untuk cukai pendapatan pada kadar 40%, cukai pembangunan sebanyak 5% dan cukai keuntungan berlebihan sebanyak 5% di atas pendapatan boleh dicukai yang melebihi had-had tertentu.

Adalah dicadangkan supaya diberi layanan cukai yang lebih istimewa kepada perniagaan insurans semula untuk menggalakkan pengaliran masuk perniagaan ini ke Malaysia dari

luar negeri. Adalah dicadangkan supaya kadar 40% yang dikenakan kepada keuntungan premium insurans semula bersih ke dalam negeri dikurangkan menjadi 5%. Cadangan ini akan dikuatkuasakan mulai tahun taksiran 1980 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

LAMPIRAN XI

Galakan Cukai Untuk Tanaman Semula Hutan

Adalah dicadangkan supaya penanaman kayu-kayan diberi galakan dengan memberikan layanan cukai yang sama kepada tanaman semula hutan seperti yang diberikan kepada perusahaan tanaman lain. Penanaman kayu-kayan akan dimasukkan ke dalam takrif "tanaman yang dibenarkan" di dalam Akta Cukai Pendapatan supaya perbelanjaan modal ke atas tanaman semula kayu-kayan untuk membersihkan kawasan, tanaman baru dan pembinaan jalan layak dihabiskan dalam tempoh dua tahun. Perbelanjaan modal untuk kemudahan-kemudahan buruh akan dibenarkan dihabiskan di dalam tempoh 5 tahun dan perbelanjaan modal ke atas lain-lain bangunan dibenar dihabiskan dalam tempoh 10 tahun. Sebagai tambahan, apa-apa perbelanjaan untuk menanam semula akan dibenarkan sebagai perbelanjaan hasil di dalam tahun-tahun di mana perbelanjaan itu dilakukan. Selanjutnya peraturan baru akan dimasukkan ke dalam Akta Cukai Pendapatan untuk melayakkan mesin dan loji yang digunakan di dalam usaha menanam semula kayu-kayan mendapat elaun permulaan sebanyak 60% berbanding dengan kadar biasa sebanyak 20%.

LAMPIRAN XII

Galakan Cukai untuk Eksport

Pada masa ini, galakan eksport diberi di bawah Akta Galakan Pelaburan 1967, dan ianya adalah seperti berikut:

(i) *Potongan kerana menambahkan eksport*

Potongan ini diberi berkenaan perbelanjaan sebenar kerana meningkatkan lagi eksport barang-barang pembuatan. Perbelanjaan eksport yang layak diberi potongan ialah:

- (a) perbelanjaan iklan
- (b) penyediaan contoh percuma
- (c) penyelidikan pasaran

(d) penyelenggaraan tender

(e) perjalanan luar negeri untuk rundingan dan kontrak

(f) perbelanjaan bagi menyampaikan maklumat teknikal kepada pembeli.

Potongan-potongan yang diberi adalah sebagai tambahan kepada potongan-potongan yang dibenarkan di bawah seksyen 33, Akta Cukai Pendapatan 1967.

(ii) *Elaun Susutan dipercepatkan*

Galakan ini membenarkan sebanyak 90% dari perbelanjaan atau modal permulaan dihabiskan di dalam tempoh 5 tahun berbanding dengan 20 tahun atau lebih mengikut kadar biasa yang diberi sekarang ini.

(iii) *Elaun eksport*

Elaun sebanyak 5% dari jumlah peningkatan eksport yang dibandingkan dengan tingkat purata eksport bagi lima tahun taksiran kebelakangan adalah diberi sebagai potongan daripada pendapatan kasar. Kadar ini dinaikkan kepada 8% untuk syarikat-syarikat yang menggunakan tidak kurang dari 50% bahan-bahan tempatan di dalam barang-barang eksport mereka.

Adalah dicadangkan galakan eksport di atas dipertambahkan lagi seperti berikut:

(a) membenarkan tambahan untuk kos mengendali pejabat-pejabat jualan di luar negeri sebagai potongan untuk menggalakkan eksport;

(b) mengganti elaun eksport yang ada sekarang ini dengan satu elaun eksport sebanyak 2% dari nilai jualan eksport ex-factory dan satu elaun tambahan sebanyak 10% daripada nilai jualan eksport ex-factory ke atas peningkatan jualan eksport dibandingkan dengan jualan eksport dalam tahun sebelumnya. Adalah dicadangkan elaun ini diberi kepada kesemua jualan eksport tidak kira jumlah barang tempatan yang digunakan.

Olein mentah dan stearin, neutralised olein dan stearin, minyak kelapa sawit jenis "neutralised" dan jenis "neutralised bleached", kerepek ubi, buah-buahan mentah

dan sayur-sayuran, biji koko, biji kopi, pasir, tanah liat dan batu (termasuk granite dan limestone), ternakan dan perusahaan-perusahaan yang terlibat dalam pembuatan atau pemasangan barang-barang elektrik dan elektronik, ke dalam senarai barang-barang yang tidak layak mendapat elaun eksport.

Cadangan-cadangan di atas akan mula berkuatkuasa dari tahun taksiran 1980.

LAMPIRAN XIII

Galakan Cukai Untuk Penyusunan-semula

Adalah dicadangkan sekarang supaya langkah-langkah cukai berikut diterima sebagai galakan-galakan untuk penyusunan-semula:

(a) Penyusunan-semula Modal Ekuiti

Pengecualian sebanyak 5 darjah peratusan dari cukai pendapatan syarikat sebanyak 40% akan dibenarkan kepada syarikat-syarikat yang memenuhi syarat-syarat penyusunan-semula modal ekuiti dalam DEB iaitu pemilikan modal minima sebanyak 30% oleh Bumiputra, 40% oleh bukan-Bumiputra Malaysia dan 30% kepada orang-orang asing.

Untuk mempercepatkan pencapaian matlamat ini, pada peringkat permulaannya, galakan di atas akan diberikan dari setahun ke setahun untuk selama 3 tahun taksiran sahaja iaitu mulai dari tahun taksiran 1980 hingga tahun taksiran 1982. Kebaikan cadangan ini ialah ia akan menggalakkan syarikat-syarikat membuat penyusunan-semula lebih awal untuk menikmati faedah daripada pengurangan cukai yang diberikan. Bagi melayakkan diberi pengecualian, syarikat-syarikat mestilah mempunyai modal yang dibayar sebanyak \$1 juta yang tidak dikurangkan oleh tanggungan-tanggungan luar jangka atau memiliki harta bersih (sebelum dinilai-semula) tidak kurang dari \$1 juta. Syarikat-syarikat bertaraf perintis dan yang sedang menikmati kemudahan-kemudahan galakan tidak layak diberi galakan ini.

(b) Penyusunan-semula pekerjaan dan/atau rangkaian pemasaran

Mana-mana syarikat yang memenuhi peraturan penyusunan-semula pekerjaan dan atau rakaian pemasaran selaras dengan dasar DEB akan dikecualikan daripada cukai pembangunan sebanyak 5%.

Jangka masa yang diberi adalah sama seperti (a) di atas iaitu mengikut asas tahunan untuk tahun-tahun taksiran mulai daripada tahun taksiran 1980 hingga tahun taksiran 1982.

Kedua-dua pengecualian di atas akan diberi atas dasar tahunan dengan mendapat pengesahan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). FIC akan mengeluarkan Sijil berkenaan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

LAMPIRAN XIV

Cukai Keuntungan Timah

Memandangkan yang cadangan untuk meminda duti ekseport ke atas timah akan memberi keuntungan yang lebih kepada lombong-lombong besar, adalah dicadangkan kadar maksima cukai keuntungan timah yang ada sekarang dinaikkan dari 12½% kepada 15% seperti berikut:

<i>Keuntungan Timah yang boleh dicukai. (selepas memberi pengecualian- pengecualian)</i>	<i>Kadar</i>	
	<i>Sekarang</i>	<i>Dicadangkan</i>
\$200,000 pertama	5%	5%
\$200,000 yang berikut	10%	10%
melebihi \$400,000	12½%	15%

Cadangan ini akan dikuatkuasakan mulai tahun taksiran 1980.

LAMPIRAN XV

Pengecualian cukai untuk Amanah-amanah saham yang diluluskan dan pemegang-pemegang saham Amanah warganegara Malaysia

Galakan yang dicadangkan adalah untuk mengecualikan amanah-amanah saham yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Pemegang-pemegang saham amanah yang bermastautin di Malaysia yang membayar cukai adalah juga dikecualikan daripada cukai pendapatan perseorangan berkaitan dengan dividen yang diterima oleh mereka tertakluk kepada jumlah maksima \$4,000 setahun iaitu sama dengan pulangan sebanyak 8% atas pelaburan yang berjumlah \$50,000 dalam amanah-amanah saham.

Cadangan ini mula berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1980.

LAMPIRAN XVI

Cadangan untuk Mengurangkan Beban Cukai ke atas Sektor Pengangkutan Awam—tekxi, kereta sewa dan bas

Adalah menjadi objektif Kerajaan untuk melihat perkembangan di dalam perusahaan pengangkutan awam. Sektor ini mengalami kesan yang buruk disebabkan oleh kenaikan kos pengeluaran terutamanya harga barang-barang ganti dan minyak. Adalah dirasakan bahawa suatu insentif cukai patut diberikan bagi menjamin perusahaan ini berkembang. Adalah dicadangkan:

- (a) duti eksais ke atas tekxi dan kereta sewa dikurangkan sebanyak 50%.

(b) cukai jalan ke atas tekxi dan kereta sewa dikurangkan sebanyak 50%. Kadar cukai jalan yang baru bagi tekxi dan kereta sewa yang menggunakan injin diesel ialah 22 sen/c.c. manakala yang menggunakan injin petrol ialah 6 sen/c.c.;

- (c) cukai injin ke atas bas dikurangkan sebanyak 25%. Kadar cukai yang baru injin ke atas bas adalah seperti berikut:

Bas yang menggunakan petrol

kurang dari 2,000 c.c. \$ 5.60 sebulan

lebih dari 2,000 c.c. \$ 8.40 sebulan

Bas yang menggunakan disel

kurang dari 1,500 c.c. \$ 45.00 sebulan

1,500 c.c.-2,500 c.c. \$ 56.00 sebulan

2,500 c.c.-3,500 c.c. \$ 67.00 sebulan

lebih dari 3,500 c.c. \$123.00 sebulan

LAMPIRAN XVII

Duti Import

Perubahan-perubahan Struktur Duti Import

Adalah dicadangkan duti-duti import berikut dikurangkan:

- (a) duti import atas durian, mangga dan nangka/cempedak dikurangkan sebanyak 50% lagi;
- (b) duti import atas "cylinder block" dan "crank cases" dikurangkan dari 75% kepada 25%;
- (c) duti import atas filem/negatif untuk perusahaan wayang gambar dikurangkan dari 40% kepada 5%;
- (d) duti import atas alat-alat sukan dikurangkan atau dihapuskan.

Perubahan-perubahan yang dicadangkan itu adalah seperti di Jadual yang dilampirkan.

JADUAL

PERUBAHAN-PERUBAHAN DUTI IMPORT

<i>Kod</i>	<i>Perkara</i>	<i>Kadar sekarang</i>	<i>Kadar yang dicadangkan</i>
08.01	Korma, pisang, brazil nuts, nenas, avocados, jambu dan mangga, segar atau dikeringkan.		
620	manggis	\$ 440.90 (setan)	\$ 220.45 (setan)
08.09	Lain-lain jenis buah-buahan: Buah-buah tropika		
120	Durian	\$ 661.40 (setan)	\$ 330.60 (setan)

160	nangka	\$ 661.40 (setan)	\$ 330.60 (setan)
37.02	Filem-filem bergulung sensitised, unexposed, perforated or not.		
100	cinematograf	40%	5%
42.03	Kain-kain dan barang-barang pakaian, dari kulit atau campuran kulit.		
100	sarong tangan untuk sukan	25%	tiada
900	lain-lain.	25%	25%
64.06	000 Sarung kaki, cricket pad, shin guard dan barang-barang sejenis	15%	tiada
84.06	Internal combustion piston engines bahagian-bahagian		
710	cylinder block dan crank case	75%	25%
87.10	Cycles (termasuk delivery tricycles) bukan bermotor		
110	basikal lumba	\$ 60 (satu)	tiada
97.06	Alat-alat, perkakas untuk jimnastik atau olahraga atau untuk sukan dan outdoor games (selain dari 97.04)		
100	daripada bahan plastik	50% atau \$1.12 satu kg. yang mana lebih tinggi	tiada

LAMPIRAN XVIII

Memansuhkan duti eksais atas bateri yang diperbaharui dan menurunkan cukai ke atas tilam-tilam/kusyen getah

Adalah dicadangkan supaya duti eksais ke atas bateri yang diperbaharui dimansuhkan bagi menyamakan kedudukannya dengan tayar-tayar celop yang tidak tertakluk kepada duti eksais ini.

Adalah juga dicadangkan supaya duti eksais ke atas tilam/kusyen getah diturunkan dari 44 sen/kg. kepada 33 sen/kg. Ini adalah bertujuan untuk menyamakan pengeluaran-pengeluaran tilam/kusyen itu dengan pengeluaran-pengeluaran yang mengeluarkan tilam/kusyen dari bahan-bahan plastik.

LAMPIRAN XIX

Pengecualian ke atas ganjaran persaraan dan pencen

Pada masa ini ganjaran persaraan dan pencen yang dibayar kepada kakitangan awam yang bersara secara pilihan sebelum umur 55 tahun adalah dikecualikan dari cukai pendapatan. Perkara ini mempengaruhi persaraan awal kakitangan-kakitangan yang berpengalaman dan mahir yang mana perkhidmatan mereka adalah diperlukan dalam melaksanakan Rancangan Lima Tahun. Memandangkan kepada keadaan ini, adalah dicadangkan supaya dikecualikan ganjaran dan pencen persaraan yang dibayar kepada pekerja pada masa persaraan dari pekerjaan semasa meningkat umur 55 tahun atau

semasa meningkat umur wajib untuk bersara seperti yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Ini adalah dipakai bagi kedua-dua pekerja lelaki dan perempuan dalam sektor awam dan swasta. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1980.

Walaupun cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1980, tetapi hak-hak dan tanggungan pekerja-pekerja yang mana persaraan mereka diluluskan oleh majikan-majikan mereka sebelum 18 Oktober 1979 adalah dikekalkan.

LAMPIRAN XX

Kajian Duti Harta Pesaka

Tiga perubahan dasar adalah dicadangkan:

- (a) Paras pengecualian yang dibenarkan untuk si mati yang menetap di Malaysia sekarang ini ialah \$50,000. Adalah dicadangkan untuk menaikkan paras ini ke \$300,000. Dengan ini hanya harta pesaka yang bernilai lebih daripada \$300,000 sahaja akan dikenakan cukai.

Paras pengecualian untuk si mati yang tidak menetap di Malaysia dicadangkan dinaikkan daripada \$10,000 menjadi \$60,000.

- (b) Adalah juga dicadangkan bahawa potongan duti sebanyak 50% dari duti yang kena dibayar dimansuhkan.

- (c) Struktur duti untuk si mati yang menetap di Malaysia adalah disusun semula seperti di dalam Jadual. Di bawah struktur yang dicadangkan ini bebanan cukai harta pesaka yang kurang daripada \$700,000 adalah lebih ringan berbanding dengan kadar sekarang. Untuk harta pesaka yang bernilai lebih daripada \$700,000, beban cukai di bawah cadangan baru ini adalah tinggi sedikit jika dibandingkan dengan kadar sekarang.

- (d) Belanja urusan pengkebumian adalah dicadangkan dinaikkan menjadi \$3,000.

- (e) Wang yang diterima di bawah polisi insurans untuk kemalangan tidak akan dikenakan duti harta pesaka.

Cadangan ini berkuatkuasa untuk kematian pada atau selepas 18hb Oktober 1979.

Cadangan ini akan dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia dahulu sementara penguatkuasaannya di Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan pada suatu tarikh yang akan ditetapkan nanti.

JADUAL—DUTI HARTA PESAKA

<i>Pendapatan boleh dicukai</i>	<i>Cadangan</i>			<i>Kadar ada sekarang</i>	
	<i>Kadar</i>	<i>Jumlah kena dibayar</i>	<i>Kadar purata</i>	<i>Jumlah kena dibayar setelah dipotong 50%</i>	<i>Kadar purata</i>
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Di atas:					
Pertama	300,000	—	—	\$ 15,000	5%
Berikutnya	100,000	12%	12,000	—	—
Di atas:					
Pertama	400,000	—	12,000	3%	25,000
Berikutnya	100,000	16%	16,000	—	—
Di atas:					
Pertama	500,000	—	28,000	5.6%	50,000
Berikutnya	200,000	20%	40,000	—	—

JADUAL—DUTI HARTA PESAKA

<i>Pendapatan boleh dicukai</i>					<i>Cadangan</i>		<i>Kadar ada sekarang</i>		
					<i>Kadar</i>	<i>Jumlah kena di- bayar</i>	<i>Kadar purata</i>	<i>Jumlah kena dibayar setelah dipotong 50%</i>	<i>Kadar purata</i>
					(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Di atas:									
Pertama	..	..	..	700,000	—	68,000	9.7%	65,000	9.3%
Berikutnya	..	..	..	300,000	25%	75,000	—	—	—
Di atas:									
Pertama	..	..	..	1,000,000	—	143,000	14.2%	115,000	11.5%
Berikutnya	..	..	..	500,000	30%	150,000	—	—	—
Di atas:									
Pertama	..	..	..	1,500,000	—	293,000	19.5%	215,000	14.3%
Berikutnya	..	..	..	500,000	35%	175,000	—	—	—
Di atas:									
Pertama	..	..	..	2,000,000	—	468,000	23.4%	327,500	16.4%
Berikutnya	..	..	..	1,000,000	40%	400,000	—	—	—
Di atas:									
Pertama	..	..	..	3,000,000	—	868,000	28.9%	577,500	19.3%
Berikutnya	..	..	..	1,000,000	45%	450,000	—	—	—
Di atas:									
Pertama	..	..	..	4,000,000	—	1,318,000	32.9%	827,500	20.7%
Berikutnya	..	..	..	1,000,000	50%	500,000	—	—	—
Di atas:									
Pertama	..	..	..	5,000,000	—	1,818,000	36.4%	1,102,500	22.0%
Berikutnya	..	..	..	1,000,000	55%	550,000	—	—	—
Di atas:									
Pertama	..	..	..	6,000,000	—	2,368,000	39.5%	1,377,500	22.9%
Bakinya	..	..	..		60%	—	—	—	—

LAMPIRAN XXI

*Hasil Bukan Cukai**Cadangan menaikkan Cukai Jalan atas Kereta Persendirian yang Berinjinkan Diesel*

Bagi menetapkan hanya satu harga bagi minyak diesel dan minyak tanah, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberi subsidi ke atas kedua barang tersebut. Subsidi atas minyak diesel adalah bertujuan untuk mem-

beri faedah kepada pengguna-pengguna perindustrian dan juga perusahaan pengangkutan awam. Oleh kerana subsidi atas minyak diesel diberi ke atas semua minyak diesel yang dijual melalui pam-pam dan kontrek, kereta-kereta persendirian juga mendapat faedah dari subsidi ini.

Oleh itu dicadangkan supaya cukai jalan dan kereta persendirian yang mempunyai injin diesel dinaikkan kepada lima kali

ganda dari cukai jalan atas kereta menggunakan petrol. Kadar cukai jalan atas kereta diesel persendirian adalah seperti berikut:

Untuk 1,000 c.c. yang pertama	65 sen/c.c./satu tahun
atas 500 c.c. berikutnya	75 sen/c.c./satu tahun
atas 500 c.c. berikutnya	85 sen/c.c./satu tahun
atas 500 c.c. berikutnya	95 sen/c.c./satu tahun
atas 500 c.c. berikutnya	105 sen/c.c./satu tahun
atas 500 c.c. bakinya	115 sen/c.c./satu tahun

LAMPIRAN XXII

Mengujudkan Sistem Gudang Berlesen di Malaysia

Di bawah peraturan sekarang, kemudahan-kemudahan gudang berlesen disediakan oleh pihak-pihak berkuasa pelabuhan bagi semua import melalui laut dan MAS bagi semua import melalui udara. Disebabkan oleh kekurangan ruang, pihak-pihak berkuasa tersebut tidak menggalakkan pengimport-pengimport menyimpan barang-barang mereka terlalu lama di dalam gudang-gudang mereka. Sebab itu, bayaran-bayaran yang dikenakan adalah tinggi. Pengimport-pengimport terpaksa membayar cukai-cukai kastam secepat yang boleh bagi mengelakkan bayaran berlebihan yang dikenakan oleh pihak-pihak berkuasa itu. Sistem ini tidak mendatangkan kebaikan kepada pengimport.

Oleh itu adalah dicadangkan supaya suatu sistem gudang berlesen diwujudkan. Di bawah sistem yang dicadangkan, barang-barang yang diimport dibenarkan dibawa ke gudang-gudang berlesen tanpa membayar cukai. Duti import akan hanya dipungut jika barang-barang itu dibawa keluar dari gudang berlesen untuk pasaran tempatan.

Konsep gudang berlesen yang diperluaskan ini memberi faedah-faedah berikut:

- (i) pengawasan Kastam boleh dijalankan secara lebih berkesan;
- (ii) untuk mengurangkan kesesakan di pelabuhan-pelabuhan;
- (iii) untuk mengurangkan beban kewangan pengimport-pengimport;
- (iv) untuk mengurangkan harga barang-barang kerana pengimport-pengimport boleh mengimport dengan banyak;
- (v) untuk memperkembangkan perniagaan borong tempatan;
- (vi) untuk memberi kemudahan kepada barang-barang yang hendak dieksport semula dan ini boleh membangunkan perniagaan pelabuhan-bebas bagi tempat-tempat seperti Pulau Pinang.

Adalah dicadangkan supaya lebih banyak gudang berlesen diwujudkan bagi mencapai objektif di atas. Pihak swasta akan digalakkan mengujudkan gudang-gudang berlesen ini. Bagaimanapun bagi tempoh permulaan, gudang-gudang berlesen ini akan terhad kepada bandar-bandar di mana terdapat pejabat-pejabat Kastam yang besar. Adalah juga dicadangkan bahawa sebagai tambahan kepada 3 jenis barang iaitu minuman keras, tembakau/rokok dan petroleum yang sekarang ini menikmati kemudahan gudang berlesen ini, senarai barang-barang itu ditambah bagi meliputi barang-barang berikut:

- (i) barang-barang ganti untuk kereta;
- (ii) buah-buahan dan makanan dalam tin;
- (iii) alat-alat solek;
- (iv) jam tangan; dan
- (v) barang-barang kimia.